



Berita
UniMAP

Berita UniMAP

MALAM MESRA MEDIA 2007



Lebih 70 petugas media negeri Perlis dari pelbagai agensi diraikan dalam satu majlis Malam Mesra Media 2007 yang diadakan di Dewan Kayangan 1 dan 2, Hotel Putra Palace, 3 Januari 2008 lalu. Ia dirasmikan oleh Y.Bhg. Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Kol. Prof. Dato` Dr. Kamarudin Hussin. Majlis tahunan tersebut diadakan bagi meraikan golongan media yang banyak membantu dalam mempromosikan UniMAP serta mewujudkan hubungan yang lebih erat antara UniMAP dan media.

Pada majlis itu juga, sebanyak tiga anugerah media dipertandingkan. Metra Syahril Mohamed dari Utusan Malaysia muncul pemenang bagi kategori Anugerah Liputan Terbaik Media Cetak, manakala Kang Chew Thye, dari Guang Ming

Daily, memenangi Anugerah Liputan Terbaik Bahasa Asing. Bagi kategori Liputan Terbaik Media Elektronik, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dinobatkan sebagai pemenang dengan dokumentari yang bertajuk "Kemilau 50 UniMAP". Para pemenang membawa pulang wang tunai berjumlah RM1000, plak dan sijil penghargaan.

Dalam ucapan aluannya, Dato` Kamarudin berharap agar hubungan media dan UniMAP menjadi semakin erat dan sekaligus dapat mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak. Turut hadir pada majlis itu, isteri Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg, Datin Noridah Yangman, Timbalan-timbalan Naib Canselor, ketua-ketua jabatan serta dekan-dekan UniMAP.

